

## **BAB PERTAMA**

### **PEMELUKAN AGAMA ISLAM MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ISLAM DI MALAYSIA**

#### **1.0 Pendahuluan**

Penulisan dalam bab ini akan membincangkan berkenaan pemelukan agama Islam. Antara yang akan dibincangkan ialah pemelukan agama Islam menurut Fiqh dan menurut Undang-undang Pentadbiran Islam di Malaysia, serta implikasi pemelukan agama Islam terhadap status perkahwinan menurut Fiqh dan Undang-undang.

#### **1.1 Pemelukan Agama Islam Menurut Perspektif Fiqh**

Agama Islam ialah suatu agama yang mudah. Islam tidak pernah menuntut penganutnya melakukan perkara yang tidak mampu dilakukan. Samada dari segi pelaksanaan amalan mahupun larangan, Islam sentiasa menggalakkan penganutnya melakukan amalan yang diperintahkan sebagaimana yang ditetapkan. Ini dapat dilihat dari proses pengislaman seseorang. Pemelukan agama Islam oleh seseorang individu bukan Islam ialah suatu proses perubahan kepercayaan dan pegangan daripada agama asal kepada agama Islam.

Berdasarkan perspektif Fiqh, pemelukan agama Islam seseorang itu adalah mudah dan ringkas. Pemelukan agama Islam hanya akan berlaku apabila seseorang itu dengan hati yang rela melafazkan kalimah syahadah serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Fiqh. Antara syarat sah pemelukan Islam oleh seseorang itu ialah *baligh* dan berakal. Rasulullah s.a.w bersabda:

رفع القلم عن الثلاثة : عن الصبي حتى يبلغ وعن النائم حتى  
يسنون ، و عن الجنون حتى يفيق

Maksudnya:

*Diangkat pena dari tiga golongan, kanak-kanak sehingga ia baligh, orang yang tidur (lena) sehingga ia terjaga, dan orang yang gila sehingga ia sembuh.*<sup>29</sup>

Hadis ini bermaksud tidak diambil kira kesalahan tiga golongan ini, iaitu kanak-kanak sehingga *baligh*, orang gila sehingga sembuh dan orang tidur sehingga ia jaga.<sup>30</sup> Hadis ini juga bermaksud, diambil kira kata-kata itu berdasarkan tiga perkara, iaitu daripada kanak-kanak sehingga ia *baligh*, daripada orang yang tidur sehingga ia terjaga dari tidurnya, dan daripada orang yang gila sehingga ia sembuh. Maka, pemelukan Islam oleh seseorang yang belum *baligh* atau seseorang yang gila adalah tidak sah. Ini adalah kerana syarat sahnya keislaman seseorang yang memeluk agama Islam ialah dia hendaklah seorang yang telah *baligh* selain berakal dan waras. Walaubagaimanapun, kebanyakan para ulama tidak mensyaratkan umur *baligh* sebagai syarat sah Islam kanak-kanak. Adalah memadai

<sup>29</sup> Sulayman ibn al Ashath (t.t), Abu Dawud, "Kitab: al Hudud", no hadith 4398. j.4. (t.tp), Dar Ihya' al Sunnah al Nabawiyyah, h.119.

<sup>30</sup> Ibn Qudamah (t.t), *al-Mughni*, j.9. al-Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, h.124.

pengakuan kanak-kanak yang berakal dan tahu Islam sebagai dinyatakan ia tahu bahawa Allah itu tidak ada sekutu bagiNya dan Nabi Muhammad itu RasulNya.<sup>31</sup>

Walaubagaimanapun, sesetengah ulama berpendapat, pengakuan tersebut sah setelah mereka berumur tujuh tahun. Ini kerana, Nabi Muhammad s.a.w baru menyuruh mereka melakukan sembahyang apabila mencapai had umur tersebut. Ini menunjukkan had umur ibadat mereka diterima. Demikian juga pengislaman mereka.<sup>32</sup> Sayyidina ‘Ali r.a memeluk Islam ketika ia masih kanak-kanak lagi. Beliau hanya baru berada dalam lingkungan tiga belas tahun.<sup>33</sup> Pendapat yang lain mengatakan, ketika itu beliau baru berumur lapan tahun.<sup>34</sup> Demikian juga Zubair, ketika memeluk Islam beliau juga berumur lapan tahun.<sup>35</sup>

Walaubagaimanapun, bagi seseorang yang belum *baligh* atau tidak cukup syarat seperti orang gila dan sebagainya, apabila salah seorang atau kedua ibubapa atau penjaganya memeluk Islam, secara tidak langsung dia dianggap memeluk Islam bersama-sama ibubapanya. Maka, dalam hal ini secara tidak langsung seseorang yang dibawah jagaan pemeluk Islam itu turut menjadi penganut Islam. Demikian juga dalam bab *al-laqit* (menjumpai kanak-kanak yang hilang), mengikut hukum Islam kanak-kanak itu beragama Islam sekiranya ia dijumpai di negara Islam. Demikian juga jika dijumpai di negara kafir yang mempunyai orang-orang Islam seperti peniaga dan sebagainya. Jika dijumpai di negara kafir yang tidak mempunyai orang Islam, barulah dihukum kafir.<sup>36</sup>

<sup>31</sup> Ibn Qayyim (1986), *Tuhfat al-Wadud fi Ahkam al-Maulud*. Al-Qahirah: al-Maktab al-Thaqafi, h. 229-231.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 230.

<sup>33</sup> Jalal Muzhar (t.t), *Muhammad Rasulullah: Siratuhu wa Atharuhu fi al-Hadarah*. Al-Misr: Maktabah al-Khaniji, h.51.

<sup>34</sup> Ibn Qudamah (t.t), *op.cit.*, h.134.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Yahya ibn Sharf al-Nawawi (t.t), *Rawd al-Talibin*. j.5. Beirut: al-Maktab al-Islami, h. 433.

Kesimpulannya, pemelukan agama Islam oleh seseorang individu yang asalnya bukan beragama Islam boleh berlaku secara langsung apabila dia sendirinya dengan akal yang waras dan rela memeluk Islam. Sebaliknya, seseorang yang belum berupaya atau tidak berupaya memilih sendiri agamanya secara tidak langsung dikatakan memeluk Islam apabila salah seorang atau kedua ibubapa atau penjaganya memeluk agama Islam. Begitu juga, sekiranya seorang kanak-kanak itu tinggal bersama penjaganya yang bukan ibubapanya. Mereka juga dihukum sebagai seorang Islam sekiranya penjaganya itu memeluk Islam. Ini bererti, anak-anak angkat yang dipelihara oleh orang-orang Islam adalah dihukum sebagai orang Islam. Hukum yang berkaitan dengan kanak-kanak ini juga terpakai kepada orang-orang gila, iaitu mereka juga dihukumkan sebagai orang-orang Islam sekiranya penjaga mereka menganut agama Islam.<sup>37</sup>

## **1.2 Pemelukan Agama Islam Menurut Undang-undang Pentadbiran Islam di Malaysia**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam diletakkan di bawah kuasa-kuasa kerajaan negeri. Badan-badan Perundangan Negeri (bagi negeri-negeri) dan Parlimen (bagi Wilayah Persekutuan) diberi kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan menggubal apa-apa peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam termasuklah pemelukan agama Islam. Secara umumnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri,<sup>38</sup> serta Kaedah-Kaedah Pemelukan Agama Islam

---

<sup>37</sup> Zakariyya al Ansari (t.t), *Fath al Wahhab Bisharb Manhaj al-Tullab*, j. 1. Beirut: Dar al Fikr, h. 265.

<sup>38</sup> Sebagai contohnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka 2002 (No. 7/2002), Bahagian IX. Lihat juga Enakmen Negeri Sembilan (No. 10/2003), Bahagian IX. Lihat juga Enakmen Sabah (No. 5/2004), Bahagian VI. Lihat juga Enakmen Perak (Bil. 4/2004), Bahagian IX. Lihat juga Enakmen Johor (No. 16/2003), Bahagian IX. Lihat juga Enakmen Selangor (No. 1/2003), Bahagian IX. Lihat juga Enakmen Terengganu (Bil. 2/2001), Bahagian VIII.

Negeri memperuntukkan undang-undang dan kehendak-kehendak yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang ingin memeluk agama Islam.

### **1.2.1 Prosedur Pemelukan Agama Islam**

Terdapat beberapa prosedur perlu dipatuhi bagi seseorang yang ingin memeluk agama Islam menurut peruntukan akta dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Antaranya berkaitan dengan syarat-syarat dan keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi bagi seseorang yang ingin memeluk Islam. Prosedur-prosedur tersebut terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri serta Kaedah-Kaedah Pemelukan Agama Islam Negeri-Negeri.<sup>39</sup>

#### **1.2.1.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam**

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri<sup>40</sup> memperuntukkan, seseorang yang tidak beragama Islam, boleh memeluk agama Islam jika dia sempurna akal dan;

- (a) sudah mencapai umur lapan belas tahun; atau
- (b) jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu dan bapa atau penjaganya mengizinkan pemelukan agama Islam olehnya.

---

<sup>39</sup> Selepas ini dirujuk sebagai Kaedah Pemelukan Islam.

<sup>40</sup> Seksyen 117 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 (No. 1/ 2003). Lihat juga enakmen negeri lain.

Selain itu terdapat kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi bagi mengesahkan kemasukan seseorang kepada agama Islam. Kehendak-kehendak tersebut ialah seperti berikut:<sup>41</sup>

- (a) orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara yang semunasabahnya jelas;
- (b) pada masa mengucap dua kalimah Syahadah itu, orang itu mestilah sedar bahawa kalimah itu bermakna "Aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad s.a.w ialah Pesuruh Allah"; dan
- (c) pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.

Sebaik selesai mengucap kalimah Syahadah dan kehendak-kehendak tersebut dipenuhi, seseorang itu telah menjadi seorang Islam dan dia disebut sebagai *muallaf*,<sup>42</sup> dan seterusnya dari saat pemeluk Islam itu beliau telah tertakluk kepada tugas-tugas serta kewajipan-kewajipan yang sama seperti mana-mana orang Islam yang lain.<sup>43</sup> Sekiranya seseorang tidak mampu mengucap dua kalimah Syahadah kerana tidak dapat bercakap, dia hendaklah menggunakan isyarat yang menunjukkan makna pengakuan Syahadah tersebut sebagai memenuhi kehendak undang-undang yang ditetapkan di bawah perenggan (1)(a) yang menunjukkan makna yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b).<sup>44</sup>

---

<sup>41</sup>*Ibid*, Seksyen 107.

<sup>42</sup>*Ibid*, Seksyen 108.

<sup>43</sup>*Ibid*, Seksyen 109.

<sup>44</sup>*Ibid*, Seksyen 107(2).

Seterusnya bagi tujuan pendaftaran, Majlis Agama Islam diberi kuasa melantik Pendaftar *Muallaf* yang akan bertanggungjawab menyelenggara Daftar *Muallaf*.<sup>45</sup> Oleh itu, seseorang yang telah memeluk agama Islam boleh memohon kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan untuk pendaftaran sebagai *Muallaf*.<sup>46</sup> Setelah berpuas hati bahawa kehendak-kehendak memeluk agama Islam dipenuhi oleh pemohon itu, Pendaftar boleh mendaftarkan pemelukan agama Islam oleh pemohon itu dalam Daftar *Muallaf* dengan mencatatkan butir-butir yang dikehendaki dalam Daftar *Muallaf* termasuklah menentukan dan mencatatkan tarikh pemelukan agama Islam oleh pemohon itu.

Pendaftar juga boleh membenarkan pemohon mengucap dua kalimah Syahadah di hadapannya atau di hadapan mana-mana pegawainya sekiranya tidak berpuas hati bahawa kehendak-kehendak memeluk agama Islam telah dipenuhi sebelum mendaftarkan pemohon itu.<sup>47</sup> Setelah mendaftarkan pemelukan agama Islam tersebut, Pendaftar dikehendaki mengeluarkan satu Perakuan Masuk Islam yang hendaklah menjadi bukti muktamad seseorang yang telah menganut Islam itu sebagai seorang Islam.<sup>48</sup>

Seseorang yang telah memeluk agama Islam dan telah didaftarkan di dalam Daftar *Muallaf* hendaklah diperlakukan sebagai seorang Islam bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri,<sup>49</sup> dan ia tertakluk di bawah mana-mana peruntukan yang berkuatkuasa ke atas orang-orang Islam di dalam negeri masing-masing.<sup>50</sup> Jika seseorang yang telah memeluk Islam itu tidak didaftarkan di dalam Daftar *Muallaf* dan timbul sesuatu persoalan tentang samada seseorang itu adalah seorang *muallaf* atau sebaliknya, maka

<sup>45</sup> *Ibid*, Seksyen 110.

<sup>46</sup> *Ibid*, Seksyen 111(1).

<sup>47</sup> *Ibid*, Seksyen 111(2).

<sup>48</sup> *Ibid*, Seksyen 112(1)(2).

<sup>49</sup> *Ibid*, Seksyen 113(1).

<sup>50</sup> *Ibid*, Seksyen 113(2).

persoalan itu hendaklah diputuskan oleh mahkamah berdasarkan kepada merit kes itu iaitu dengan merujuk kepada kehendak-kehendak yang perlu dipenuhi sebelum seseorang itu dianggap sebagai seorang Islam.<sup>51</sup>

Secara umumnya, peraturan yang ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri ini adalah selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Syarak. Selain daripada peraturan yang ditetapkan ini mudah dan ringkas ianya juga lengkap kerana diperkemaskan lagi dengan beberapa kehendak yang perlu dipatuhi sebelum melalui proses pendaftaran seseorang yang telah memeluk Islam itu sebagai *muallaf*. Perakuan Masuk Islam yang dikeluarkan oleh pihak Pendaftar *Muallaf* ini juga adalah penting kerana ianya akan menjadi bukti muktamad bagi seseorang yang telah memeluk Islam itu apabila timbul sebarang kemusyikan atau pertikaian pada masa hadapan.

### **1.2.1.2 Kaedah-kaedah Pemelukan Agama Islam Negeri-Negeri**

Sesetengah negeri memperincikan lagi prosedur dalam proses pemelukan agama Islam melalui peraturan-peraturan yang lebih terperinci. Antaranya negeri Sabah, Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang telah menggubal peraturan khusus bagi seseorang yang ingin memeluk agama Islam. Peraturan-peraturan ini adalah Kaedah Memeluk Islam (Negeri Sabah) 1997, Kaedah-Kaedah Pentadbiran Perundangan Islam ( Pemelukan Agama Islam Bagi Orang-orang Belum Dewasa) 1991 ( Selangor) bagi negeri Selangor, Kaedah- Kaedah Tatacara Pendaftaran dan Pengawalan Ke atas Orang Yang Memeluk agama Islam 2000 (Kelantan) bagi negeri Kelantan, dan Kaedah- kaedah Tatacara Pendaftaran dan

---

<sup>51</sup> *Ibid*, Seksyen 114.

Pengawalan Ke atas Orang Yang Memeluk agama Islam 1999 (Pulau Pinang) bagi negeri Pulau Pinang.

Antara yang terkandung dalam undang-undang ini ialah, peruntukan tentang cara atau prosedur yang lebih terperinci digunakan bagi seseorang yang ingin memeluk Islam. Antaranya ialah, seseorang yang ingin memeluk Islam itu perlulah mengisi dan melengkapkan borang-borang serta menyediakan dokumen-dokumen yang perlu, seperti surat akuan bersumpah sebelum melalui kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi seperti mengucapkan syahadah dan sebagainya. Selain itu, syarat-syarat yang ditetapkan dalam undang-undang ini juga lebih lengkap dan terperinci. Antaranya ialah had umur yang layak bagi seseorang yang ingin memeluk Islam. Seseorang yang ingin memeluk Islam hendaklah berumur 18 tahun ke atas. Mereka yang berumur dibawah tahap yang disyaratkan (18 tahun) dan ingin memeluk agama Islam hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan atau kebenaran daripada ibubapa atau penjaganya.

Apa yang jelas, peraturan ini dibuat bagi mempermudah lagi undang-undang dan peraturan terhadap orang yang ingin memeluk agama Islam. Peraturan ini juga dibuat bagi memudahkan urusan pengendalian kes apabila berlaku sebarang pertikaian antara pihak-pihak di masa hadapan. Walaubagaimanapun, negeri-negeri yang lain tidak mempunyai prosedur yang lebih lengkap kerana masih dalam proses menggubal undang-undang dan peraturan baru berhubung dengan kaedah-kaedah dan tatacara pemelukan agama Islam.

### **1.3 Implikasi Pemelukan Agama Islam Terhadap Status Perkahwinan**

Pemelukan agama Islam oleh seseorang bukan Islam akan memberi kesan terhadap status perkahwinannya yang terdahulu. Dari segi Syarak dan perundangan Islam, pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak sahaja daripada pasangan perkahwinan bukan Islam merupakan salah satu faktor berlakunya pembubaran perkahwinan.<sup>52</sup> Walaubagaimanapun, terdapat peruntukan yang selainnya menurut undang-undang Sivil. Bab ini akan membincangkan secara ringkas persoalan pembubaran perkahwinan disebabkan pemelukan Islam memandangkan persoalan tersebut merupakan salah satu faktor penentu kepada layak atau gugurnya hak-hak terhadap nafkah dari sudut undang-undang Islam.

Bagi seseorang yang belum berkahwin, pemelukan agama Islam kurang menimbulkan permasalahan memandangkan ianya tidak melibatkan isu pembubaran perkahwinan. Demikian juga pemelukan Islam oleh seseorang bukan Islam yang telah berkahwin kurang menimbulkan masalah sekiranya pasangannya dalam tempoh yang sama turut memeluk Islam.<sup>53</sup> Walaubagaimanapun, implikasi akan timbul apabila hanya satu pihak sahaja daripada pasangan tersebut memeluk Islam dan satu pihak lagi kekal dalam agama asal. Ini kerana, apabila seseorang itu memeluk Islam, beliau telah tertakluk kepada hukum syarak dan perundangan Islam.

---

<sup>52</sup> Wahbah al-Zuhaili (2001), *Fiqh & Perundangan Islam*. Syed Ahmad Syed Hussain *et al.* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.774.

<sup>53</sup> *Ibid.*

Menurut hukum syarak dan perundangan Islam, perkahwinan seseorang bukan Islam dengan seorang perempuan bukan Islam selain dari *Kitabiyyah* adalah sah apabila kedua-dua pasangan tersebut memeluk Islam pada masa yang sama. Perkahwinan mereka mengikut agama terdahulu diiktiraf dan sah meskipun mereka telah bertukar agama.<sup>54</sup> Mereka juga tidak perlu membaharui perkahwinan mereka walaupun upacara pernikahan sebelumnya melalui proses yang tidak menurut peraturan Islam.<sup>55</sup> Walaubagaimanapun, sekiranya hanya satu pihak sahaja memeluk Islam, implikasi berbeza akan timbul terhadap status perkahwinan mereka yang terdahulu.

Menurut pendapat Mazhab Syafi'e, apabila suami kepada pasangan bukan Islam memeluk Islam sedangkan isterinya bukan seorang *Kitabiyyah*, perkahwinan mereka adalah terbatal. Walaubagaimanapun isteri tersebut masih diberi peluang untuk turut sama memeluk Islam sehingga tamat tempoh '*iddah*' yang bermula dari tarikh pemelukan Islam oleh suaminya. Sekiranya isteri memeluk Islam sebelum tamat tempoh '*iddah*', maka perkahwinan mereka yang terdahulu adalah kekal dan tidak perlu kepada akad yang baru.<sup>56</sup>

Selain itu, sekiranya isteri yang memeluk Islam, para ulama Mazhab Syafi'e berpendapat perkahwinan tersebut adalah terputus. Walaubagaimanapun jika suami turut memeluk Islam dalam tempoh '*iddah*', maka perkahwinan mereka adalah berkekalan tanpa perlu kepada akad yang baru. Tempoh '*iddah*' adalah bermula sejak isteri memeluk Islam.<sup>57</sup> Walaubagaimanapun terdapat juga keadaan di mana pemelukan Islam berlaku sebelum

<sup>54</sup> Al-Nawawi (t.t), *Minhaj et-Talibin*, E.C. Howard (terj.), Lahore: Law Publishing Co., Lahore, h. 295.

<sup>55</sup> Berkata Ibn Qudamah: "Orang ramai yang memeluk Islam di zaman Rasulullah s.a.w, perkahwinan mereka dengan isteri-isteri mereka sebelum ini telah diakui oleh baginda s.a.w. Baginda Rasulullah s.a.w tidak memeriksa bentuk perkahwinan mereka. perkara ini telah diketahui umum". Muhammad Ibn Abd Allah Ibn Qudamah (1984), *al-Mughniyy*, j. 7. Beirut: Dar al Fikr, h. 531.


<sup>56</sup> Al Shirazyy, Abu Ishaq Ibrahim ibn Aliyy (t.t), *al Muhadhdhab fi Fiqh al Imam al Shafi'i*, j. 2. Beirut: Dar al Fikr, h. 52.

<sup>57</sup> *Ibid.*

berlakunya persetubuhan oleh pasangan perkahwinan tersebut. Dalam hal ini, menurut pendapat ulama Mazhab Syafi'e sekiranya pasangan suami isteri tersebut belum pernah bersetubuh, perkahwinan mereka adalah terputus serta merta.<sup>58</sup>

Mereka berpendapat bahawa perbezaan agama antara pasangan tersebut menghalang mereka daripada meneruskan perkahwinan. Sekiranya pemelukan agama Islam berlaku sebelum mereka melakukan persetubuhan, perkahwinan tersebut terbubar serta-merta sejak dari penolakan salah satu pihak daripada menerima Islam. Pasangan yang memeluk Islam tidak boleh menghalang atau menahan pasangannya yang bukan Islam.<sup>59</sup>

Hujah mereka juga adalah berdasarkan firman Allah s.w.t :



Maksudnya:

....dengan yang demikian, sekiranya kamu mengetahui mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang kafir....<sup>60</sup>


Surah al-Mumtahanah (60): 10

<sup>58</sup>Ibid.

<sup>59</sup> Abd al Karim Zaydan (t.t), *Al Mufassal fi Akhdam al Marad wa al Bayt al Muslim fi al Shari'ah al Islamiyyah*, j. 9. Beirut: Muasassah al Risalah, h. 96-97.

<sup>60</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 1498.

Dan firman Allah s.w.t:



Maksudnya:

*Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri) dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami).<sup>61</sup>*

Surah al-Mumtahanah (60): 10

Berdasarkan ayat tersebut, Allah s.w.t memerintahkan supaya pasangan bukan Islam yang memeluk agama Islam dilarang mengekalkan perkahwinan mereka dengan pasangan mereka yang kafir apatah lagi perkahwinan yang belum berlaku persetubuhan.<sup>62</sup> Seseorang individu samada lelaki atau perempuan yang telah memeluk Islam tidak mempunyai pilihan untuk meneruskan ikatan perkahwinan dengan pasangan yang bukan Islam sekiranya pasangannya tersebut enggan turut sama memeluk Islam.

Manakala menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, apabila berlaku pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak daripada perkahwinan bukan Islam, maka ikatan perkahwinan mereka yang terdahulu adalah terbatal menurut Hukum Syarak. Walaubagaimanapun, pembatalan tersebut adalah tidak berkuatkuasa dengan sendirinya melainkan setelah disahkan oleh Mahkamah. Terdapat peruntukan yang jelas di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri yang menyebut:

---

<sup>61</sup>*Ibid.*

<sup>62</sup> Muhammad ibn Abd Allah Ibn Qudamah (1984), *op.cit.*, h. 532.

"Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan bukan Islam memeluk agama Islam, maka perbuatan yang demikian itu tidak boleh dengan sendirinya berkuatkuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan dan sehingga disahkan demikian oleh Mahkamah."<sup>63</sup>

Ini bererti, mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa membubarkan perkahwinan apabila salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam memeluk Islam. Walaubagaimanapun, merujuk kepada bidangkuasa Mahkamah Syariah, perintah serta keputusannya hanya berkuatkuasa ke atas orang-orang yang beragama Islam sahaja. Ini menjelaskan bahawa jika Mahkamah Syariah memutuskan ikatan perkahwinan itu terbubar kerana pasangannya yang bukan beragama Islam tidak memeluk agama Islam, ia hanya berkuatkuasa ke atas pihak yang beragama Islam sahaja. Sedangkan pihak yang tidak memeluk agama Islam itu masih dari segi undang-undang Sivil menganggap suami atau isterinya yang telah memeluk agama Islam sebagai pasangannya yang sah.<sup>64</sup>

Ini kerana terdapat peruntukan yang berbeza di bawah undang-undang Sivil. Menurut undang-undang Sivil, pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak tidak akan membubarkan perkahwinan memandangkan terdapat peruntukan yang menyatakan, apabila salah satu pihak samada suami atau isteri daripada pasangan bukan Islam memeluk Islam, pihak yang tidak memeluk Islam (samada suami atau isteri) dibenarkan mengemukakan petisyen perceraian selepas 3 bulan daripada tarikh pemelukan Islam pihak yang memeluk Islam. Ini bermakna sekiranya pihak yang tidak memeluk Islam

<sup>63</sup> Seksyen 46(2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Lihat juga Enakmen Melaka (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Negeri Sembilan (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Johor (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Selangor (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Pulau Pinang (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Perlis (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Perak (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Pahang (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Kelantan (No. 6/ 2002).

<sup>64</sup> Zuliza Mohd. Kusrin (2000), "Pemelukan Islam: Tinjauan Terhadap Persoalan Nafkah Suami, Isteri dan Anak-anak yang Berlainan Agama" ( Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam ke-2 di Universiti Kebangsaan Malaysia, 9-10 November 2000), h. 4.

enggan atau tidak membuat sebarang petisyen untuk membubarkan perkahwinannya dengan pasangan yang memeluk Islam, maka perkahwinan mereka adalah masih sah dan berterusan menurut undang-undang sivil.

Terdapat peruntukan yang jelas di bawah Seksyen 51(1) Akta 1976. Peruntukan tersebut menyatakan:

"Jika satu pihak kepada sesuatu perkahwinan telah masuk Islam, pihak yang satu lagi itu yang tidak masuk Islam boleh mempetisyen untuk perceraian. Dengan syarat bahawa tiada sesuatu petisyen di bawah seksyen ini boleh diserahkan sebelum tamat tempoh tiga bulan dari tempoh masuk Islam itu."<sup>65</sup>

Ini bererti, dari perspektif undang-undang Sivil, pertukaran agama walaupun boleh dianggap sebagai membubarkan perkahwinan tetapi hanya boleh dilakukan atau diterima sekiranya suami atau isteri yang bukan Islam sahaja yang membuat permohonan untuk pembubaran perkahwinan di mahkamah (Mahkamah Tinggi). Jika tiada permohonan dibuat, suami isteri itu masih dianggap sebagai pasangan yang sah dengan hak dan kewajipan masih wujud antara kedua-duanya dan bertanggungjawab untuk menunaikan segala tanggungjawab dalam perkahwinan.<sup>66</sup>

Berdasarkan peruntukan tersebut, terdapat percanggahan antara undang-undang Islam dan Sivil berkenaan kedudukan perkahwinan pihak-pihak setelah salah satu pihak memeluk Islam. Keadaan ini pastinya telah menimbulkan implikasi terhadap hak-hak nafkah pasangan yang terlibat. Ini kerana, peraturan umum di bawah Undang-undang

---

<sup>65</sup> Seksyen 51(1) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

<sup>66</sup> Narizan Abdul Rahman (2002), *Hak-hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama*. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, h. 5.

Islam, isteri tidak diberikan hak untuk mendapat nafkah sepanjang tempoh ‘iddah sekiranya perkahwinan itu dibubarkan dengan perintah mahkamah. Hal ini termasuklah pembubaran perkahwinan yang berlaku daripada pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan bukan Islam, kecuali sekiranya isteri hamil.

#### **1.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya pemelukan Islam oleh seseorang bukan Islam memberi kesan terhadap status perkahwinan mereka yang terdahulu. Samada menurut undang-undang Islam atau Sivil, kesannya adalah berbeza. Perbezaan ini juga telah menyebabkan timbulnya implikasi terhadap hak-hak nafkah pihak-pihak yang terlibat. Ini kerana menurut undang-undang Islam, seorang isteri itu hanya berhak ke atas nafkah semasa perkahwinan masih berterusan atau sehingga tamat tempoh ‘iddah. Bab seterusnya akan membincangkan secara terperinci persoalan nafkah pasangan pemelukan Islam berdasarkan perspektif undang-undang Islam.